

**■ Kementerian Pendidikan Tinggi adakan perbincangan dengan TNC HEPA**

Oleh **Intan Mas Ayu Shahini**  
*lnas@hmetro.com.my*  
**Putrajaya**

Institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini sentiasa prihatin dan komited dalam membantu meningkatkan beban kewangan mahasiswa serta menjaga kebajikan mereka.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pihaknya sudah berbincang dengan beberapa Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) Universiti Awam (UA) berhubung isu pelajar mengikat perut di kampus.

"Banyak dibincangkan hari ini (semalam) termasuk usaha kebajikan di peringkat

**PELAJAR IKAT PERUT**

# Tingkat Kebajikannya di UA

UA, masalah pelajar dan sebab mereka berlapar hingga ke tahap dilaporkan, kaedah mengesan pelajar memerlukan bantuan serta peranan UA menyediakan pekerjaan dalam kampus.

"Kita juga mengambil maklum jumlah keseluruhan Tabung Kebajikan Mahasiswa dan zakat UA seluruh negara sepanjang 2015 mencecah RM15.27 juta.

"Dengan jumlah itu, UA mampu mengatasi masalah ikat perut dalam kalangan mahasiswa. Cuma mereka ini kenalah la-por...kalau tidak, tak ada orang tahu," katanya, semalam.

**"Banyak dibincangkan hari ini (semalam) termasuk usaha kebajikan di peringkat UA"**  
*Idris Jusoh*



**IDRIS menunjukkan poster Program Kebajikan Mahasiswa sambil diperhatikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Prof Dr Mohamed Fadzil Che Din (kiri).**

"Pelajar berkenaan ada yang mendapat biasiswa kerajaan dan ada juga menerima pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Isunya adalah duit yang diterima hendak dikongsi dengan keluarga. Selain itu, jika ada pelajar yang tidak mampu untuk makan di kampus, kita harap semua TNC HEPA memberi kerjasama," katanya.

Menurutnya, sepanjang 2015 saja, Program Kebajikan Mahasiswa UA sudah membantu 31,776 pelajar, manakala 6,813 lagi diberi peluang untuk bekerja dalam kampus.

"Kalau melihat kepada jumlah tabung dan zakat, tidak ada sebab mengapa universiti tidak boleh membantu pelajar mereka.

"Saya sendiri sudah mem-

beritahu TNC HEPA bahawa mereka bertanggungjawab untuk memastikan perkara seumpama ini (pelajar berlapar) tidak berlaku.

"Paling penting, kita harap perkara ini 'dah tutup kes'," katanya.

Mengenai cadangan sege-lintir pihak supaya pelajar bekerja sambil belajar untuk mendapatkan wang lebih, Idris berkata, itu bukan perkara baru.

"Tak ada masalah kalau pelajar hendak bekerja (sambil). Saya dulu pun pernah belajar (di universiti) dan mengikut pengajian di luar negara.

"Saya bekerja sebagai bu-dak pengantar pizza, pernah kerja di stesen minyak pada sebelah malam, jadi pekerja pelatih di McDonalds, kerja joki di Country Club...hebat juga," katanya.

jelas Idris, setakat ini pihaknya hanya menerima dua kes saja dan ia tidak berkaitan dengan masalah pelajar, tetapi lebih kepada kesempitan hidup keluarga.